



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



## KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

### TEKUN *MOBILEPRENUER* BANTU GENERASI MUDA SABAH JANA PENDAPATAN

---

**KOTA KINABALU, 22 September 2020** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui TEKUN Nasional membuka peluang menjana pendapatan kepada golongan yang hilang pekerjaan akibat terkesan daripada wabak Covid-19 untuk menjadi Gig worker/rider bagi syarikat penghantaran makanan, barangan dan keperluan harian.

YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) berkata, “Program TEKUN Mobileprenuer telah diwujudkan pada awal April 2020 merupakan skim pembiayaan tanpa faedah kepada rider e-hailing dengan nilai pembiayaan maksimum sehingga RM10,000.00. Skim ini untuk rider e-hailing yang telah berdaftar dengan syarikat e-hailing yang bertujuan untuk membeli motorsikal, membaiki motorsikal & memasang aksesori tambahan”.

Sehingga kini, seramai 1,868 permohonan telah diluluskan di bawah Program TEKUN *Mobileprenuer* dengan nilai pembiayaan sebanyak RM15.27 juta. Manakala di Negeri Sabah sahaja, TEKUN Nasional telah salurkan pembiayaan berjumlah RM944,000.00 kepada 108 orang rider.

Untuk maklumat lanjut produk pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN Nasional, pemohon boleh layari [www.tekun.gov.my](http://www.tekun.gov.my). MEDAC berharap rakyat bijak merebut

peluang yang ditawarkan oleh Kerajaan selaras dengan usaha bagi melonjakkan perniagaan dan meransang ekonomi negara.

Sejak tahun 1998 sehingga Ogos 2020, secara keseluruhannya TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan perniagaan kepada 465,622 orang usahawan dengan nilai RM6.2 bilion di seluruh negara. Manakala bagi Negeri Sabah, TEKUN Nasional telah menyalurkan RM591 juta kepada 49,711 orang usahawan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**22 SEPTEMBER 2020**